

**TAHAP PENGHAYATAN NILAI FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN (FPK)  
DARI SUDUT INPUT DALAM KALANGAN GURU PELATIH UNIVERSITI  
SELANGOR (UNISEL)**

Sapie Sabilan<sup>1</sup>, Suhana Mohamed Lip<sup>1</sup>, Mohamad Fuad Ishak<sup>1</sup>,  
Suziana Hanini Sulaiman<sup>1</sup>, Shazarina Zdainal Abidin<sup>1</sup>, Mujaini Tarimin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>2</sup>Universiti Selangor  
sapie@kuis.edu.my

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan menilai tahap penghayatan nilai falsafah pendidikan dari sudut input dalam kalangan guru pelatih di UNISEL. Kajian yang berbentuk kuantitatif ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen berdasarkan kepada kerangka model Fretchling (2007) bagi menghurai aspek input, aktiviti dan hasil. Sampel kajian adalah terdiri daripada 158 orang guru pelatih jurusan diploma perguruan dari UNISEL. Hasil dapatan kajian dianalisa menggunakan SPSS dan hasil dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan nilai min tinggi dan sederhana tinggi bagi keseluruhan aspek input. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi satu indikator penambahbaikan bagi memastikan struktur kurikulum dan kokurikulum dalam pengajian dapat menyokong dan mengukuhkan nilai-nilai atau kemahiran yang diperlukan selari dengan FPK dalam kalangan guru pelatih di institusi latihan perguruan.

**Kata Kunci :** Falsafah Pendidikan Kebangsaan

## **1.1 PENGENALAN**

FPK telah digariskan bagi didokongi oleh para pendidik dalam penyampaian dan pelaksanaan kurikulum sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Elemen atau nilai dalam falsafah pendidikan ini seharusnya difahami dan dihayati oleh para guru sebagai satu tunjang kepada hasrat keseluruhan objektif kurikulum pendidikan negara serta sebagai satu panduan utama dalam merancang, melaksana dan menilai proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, sehingga ke alaf ini masih lagi terdapat pendidik yang gagal memahami, menghayati atau memainkan peranan dalam menyebarkan dan menerapkan nilai falsafah pendidikan walaupun telah lama menceburi profesion perguruan. Kajian yang dijalankan oleh Wan Hasmah Wan Mamat (2002) dan Habsah Ismail (2007) menunjukkan guru masih lagi kurang menekankan nilai-nilai murni yang kebanyakannya terdapat dalam elemen FPK dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah. Faktor sebegini akan menyebabkan pelajar gagal mendapat pendidikan yang holistik walaupun sistem kurikulum semasa sepatutnya disampaikan dan dinilai secara menyeluruh dengan meletakkan domain psikomotor kognitif dan afektif secara khusus dalam band penilaian pelajar.

## **1.2 PENYATAAN MASALAH**

Kajian berkaitan Tahap Penghayatan Nilai FPK dalam Kalangan Guru Pelatih di Institusi Pengajian Tinggi di Selangor perlu dijalankan berdasarkan kepada beberapa faktor dan masalah yang boleh menjadi justifikasi kajian. Isu atau permasalahan yang berlaku adalah seperti berikut:

Guru-guru pelatih wajib menjalani latihan praktikum di sekolah-sekolah rendah atau menengah sekurang-kurangnya dalam tempoh satu semester. Pada fasa ini guru pelatih perlu berupaya menyampaikan pengajaran dan memastikan pembelajaran sejajar dengan keperluan kurikulum standard yang lengkap dengan kesepaduan Elemen Nilai Tambah (ENT), Elemen Merentas Kurikulum (EMK), Kemahiran Insaniah serta elemen-elemen lain yang digarispandakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Guru-guru pelatih perlu menghayati dan menterjemah nilai FPK yang menjadi dasar kepada Sistem Pendidikan Negara yang secara langsung memberi impak kepada perancangan dan penyampaian sesi pengajaran dan pembelajaran guru bagi memastikan pelajar yang diajar menepati keperluan negara secara keseluruhan. (Kementerian Pelajaran Malaysia)

Sistem Pendidikan abad ini menjadi semakin mencabar, kerana memenuhi keperluan pembangunan manusia yang berubah dari semasa ke semasa. Justeru modifikasi kepada kurikulum perlu dilaksanakan di samping keperluan memenuhi aspirasi FPK serta transformasi pendidikan terkini. Rasional untuk menggabungkan falsafah ke dalam program latihan perguruan menurut Spooner-Lane, Curtis, dan Mergler (2010) adalah untuk mempersiapkan guru berkualiti untuk abad ke 21. Guru-guru dituntut untuk memiliki penghayatan dan kefahaman falsafah yang lebih baik, penerapan nilai serta berupaya menterjemahkan kefahaman tersebut melalui proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang lebih kreatif dan kritis bagi mencapai matlamat pendidikan seperti yang dihasratkan dalam FPK. (Nur Aida 2010, Wan Hasmah Wan Mamat 2002, Habsah Ismail 2007, Sapie et al. 2015).

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang berlaku, kajian terhadap tahap penghayatan nilai FPK dalam kalangan guru pelatih UNISEL adalah perlu bagi melihat tahap pengetahuan serta penghayatan guru pelatih berkaitan.

## **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti tahap input pengetahuan tentang konsep FPK dan sumber /bahan-bahan kurikulum yang digunakan.
2. Menilai kandungan kurikulum yang disediakan dan sistem pelaksanaannya oleh pihak UNISEL.
3. Menjelaskan tahap input kemahiran pensyarah dalam menyampaikan maklumat pengajaran.

## **1.4 BATASAN KAJIAN**

1. Penyelidikan ini hanya memfokus kepada guru pelatih dan latihan guru peringkat pengajian Diploma UNISEL sahaja.
2. Kajian tertumpu kepada tahap penghayatan FPK serta pelaksanaan latihan perguruan yang melibatkan pandangan guru-guru pelatih berkaitan proses input di UNISEL.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajian tinjauan (*survey*). Kajian tinjauan ialah kaedah penyelidikan deskriptif bukan eksperimental yang dapat mengumpul data berhubung fenomena yang tidak dapat dilihat secara langsung (Noraini Kaprawi, 2010). Sidek Mohd Noah (2002) menjelaskan bahawa reka bentuk penyelidikan secara deskriptif adalah kajian yang dijalankan dengan tujuan memberi penerangan yang sistematik berkaitan fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati dengan fakta yang tepat. Pengkaji memilih rekabentuk tinjauan (*survey*) adalah untuk meninjau dan mengumpul maklumat berkaitan tahap penghayatan nilai FPK dalam kalangan guru pelatih. Penggunaan reka bentuk ini membolehkan pengkaji melihat persoalan kajian dari skop yang lebih luas dan menyeluruh, dapat memperolehi banyak maklumat daripada sampel yang besar dan memperolehi keputusan analisis dalam masa yang singkat. Di samping itu, penggunaan reka bentuk ini dapat memberi gambaran mengenai konsep FPK dalam kalangan guru pelatih dan memberi gambaran umum berkaitan pelaksanaan kurikulum latihan guru berkaitan elemen FPK di institusi.

### a. Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji melibatkan semua guru pelatih yang mengikuti program Pendidikan Islam dan TESL iaitu seramai 158 orang. Pengkaji mengambil kira pandangan Gay & Airasian (2003) yang menyatakan bahawa bagi populasi kecil, pengumpulan data perlu diambil daripada keseluruhan populasi. Selain itu, pengkaji juga menggunakan teknik persampelan bersifat bertujuan (*purposive sampling*) dalam kajian ini. Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) adalah kelompok responden yang mewakili populasi yang dikaji dikenali pasti dan kesemua individu dalam kelompok tersebut dikira sebagai sampel (Noraini Idris, 2010; Richey & Klein, 2007; Sabitha Marican, 2005). Ciri-ciri sebenar responden kajian yang terlibat dalam kajian tinjauan ini adalah guru pelatih yang mengikuti program Diploma Pendidikan Islam dan TESL yang mengkhususkan kepada guru pelatih semester 2 hingga 6 dari UNISEL. Pemilihan guru pelatih dari semester 2 hingga 6 adalah disebabkan oleh faktor struktur pengajian iaitu pelajar di semester ini telah dipastikan telah mengambil subjek berkaitan falsafah dan pedagogi pendidikan.

### b. Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang disediakan kepada guru pelatih yang mengikuti program pendidikan Islam dan TESL untuk mendapatkan data kuantitatif. Instrumen bagi kajian ini adalah soal selidik atau "*survey*". Pembentukan instrumen kajian ini bertujuan untuk melihat tahap penghayatan nilai FPK berdasarkan komponen struktur latihan guru yang berpandukan kepada model penilaian program iaitu Model Logik (Frechling, 2007), komponen nilai falsafah pendidikan adalah berpandukan kepada 11 elemen nilai FPK (PPK, 2005) dari sorotan kajian. Responden kajian ini dikehendaki menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala *likert* 5 poin seperti berikut:

5	Sangat setuju
4	Setuju
3	Sederhana setuju
2	Tidak setuju
1	Sangat tidak setuju

### 3.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian dijalankan terhadap 158 orang guru pelatih fakulti pendidikan di Universiti Selangor. Demografi kajian ditunjukkan dalam jadual berikut;

Jadual 3.1: Jantina Responden Guru Pelatih

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	31	19.6%
Perempuan	127	80.4%
Jumlah	158	100.0

Jadual 3.2: Umur Responden Guru Pelatih

Umur	Kekerapan	Peratusan
19 tahun	64	40.5
20 tahun	52	32.9
21 tahun	8	5.1
22 tahun	25	15.8
23 tahun	7	4.4
24 tahun	1	0.6
25 tahun	1	0.6
Jumlah	158	100.0

Jadual 3.3: Bangsa Responden Guru Pelatih

Bangsa	Kekerapan	Peratusan
Melayu	144	91.1
India	12	7.6
Lain-lain	2	1.3
Jumlah	158	100.0

Jadual 3.4: Agama Guru Pelatih

Agama	Kekerapan	Peratusan
Islam	144	91.1
Hindu	11	7.0
Kristian	3	1.9
Jumlah	158	100.0

Jadual 3.5: Demografi Akademik Responden Guru Pelatih

Demografi Akademik	Kekerapan	Peratusan
<i>Institusi</i>		
Unisel	158	100.0
Jumlah	158	100.0
<i>Bidang Pengajian</i>		
P.Islam	78	49.4
TESL	80	50.6
Jumlah	158	100.0
<i>Semester</i>		
2	21	13.3
3	57	36.1
4	7	4.4

5	49	31.0
6	24	15.2
Jumlah HPNG	158	100.0
2.00-2.50	11	7.0
2.51-3.00	50	31.6
3.01-3.50	76	48.1
3.51-4.00	21	13.3
Jumlah	158	100.0

**Jadual 3.6: Tahap Konsep FPK**

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interprestasi
1	FPK adalah salah satu fokus dalam kursus pengajian saya.		6 (3.8%)	39 (24.7%)	71 (44.9%)	42 (26.6%)	3.94	0.81	Sederhana Tinggi
2	FPK menjadi satu panduan kepada sistem pendidikan dan perancangan pembangunan pendidikan secara umum.		4 (2.5%)	24 (15.2%)	85 (53.8%)	45 (28.5%)	4.08	0.73	Tinggi
3	Elemen-elemen dalam FPK ada terdapat dalam dokumentasi kurikulum sekolah.	1 (0.6%)	3 (1.9%)	33 (20.9%)	81 (51.3%)	40 (25.3%)	3.99	0.77	Sederhana Tinggi
Purata skor min							4.00		Tinggi

Jadual 3.6 menunjukkan satu item dalam tahap konsep FPK berada pada tahap tinggi (min = 4.08; SP = 0.73), dan dua item berada pada tahap sederhana tinggi. (min = 3.94; SP = 0.81), (min = 3.99; SP = 0.77). Dari segi kekerapan dan peratusan pada item dua menunjukkan bahawa seramai 45 orang (28.5%) guru pelatih menyatakan sangat setuju, seramai 85 orang (53.8%) guru pelatih menyatakan setuju, seramai 24 orang (15.2%) guru pelatih menyatakan sederhana setuju. Dari segi kekerapan dan peratusan pada item satu dan tiga menunjukkan ramai yang bersetuju dan hanya seorang (0.6%) menyatakan sangat tidak setuju.

**Jadual 4.7: Sumber/Bahan-bahan Kurikulum**

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interprestasi
1	Pihak institusi sering mengadakan dan mengwar-warkan wacana ilmu.	1 (0.6%)	9 (5.7%)	62 (39.2%)	78 (49.4%)	8 (5.1%)	3.52	0.71	Sederhana Tinggi
2	Para pensyarah sentiasa menjelaskan sumber/bahan-bahan P&P yang boleh dirujuk dan memberi penekanan kepada mendalami ilmu.	1 (0.6%)	3 (1.9%)	33 (20.9%)	81 (51.3%)	40 (25.3%)	3.98	0.77	Sederhana Tinggi
3	Sumber atas talian ( <i>online</i> ) mudah diakses di institusi pengajian saya.	2 (1.3%)	6 (3.8%)	43 (27.2%)	79 (50.0%)	28 (17.7%)	3.79	0.82	Sederhana Tinggi
Purata skor min							3.76		Sederhana Tinggi

Dalam jadual 4.7 menunjukkan semua item berkaitan sumber/bahan-bahan kurikulum berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item satu (min = 3.52; SP = 0.71), item dua (min = 3.98; SP = 0.77) dan item tiga (min = 3.79; SP= 0.82). Dari segi kekerapan dan peratusan pada item satu seramai 78 orang (49.4%) guru pelatih menyatakan setuju, seramai 62 orang (39.2%) guru pelatih menyatakan sederhana setuju dan seramai 9 orang (5.7%) guru pelatih menyatakan tidak setuju. Manakala kekerapan dan peratusan pada item dua menunjukkan seramai 40 orang (25.3%) guru pelatih sangat setuju, seramai 33 orang (20.9%) guru pelatih sederhana setuju dan seramai 3 orang (1.9%) guru pelatih tidak bersetuju pada item tersebut.

Jadual 4.8: Kandungan Kurikulum I

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interprestasi
1	Struktur pengajian saya banyak menekankan tugas masalah atau tugas berasaskan projek.	1 (0.6%)	3 (1.9%)	64 (40.5%)	75 (47.5%)	15 (9.5%)	3.63	0.70	Sederhana Tinggi
2	Latihan keguruan yang diikuti juga menekankan kemahiran insaniah.	1 (0.6%)	2 (1.3%)	48 (30.4%)	73 (46.2%)	34 (21.5%)	3.86	0.78	Sederhana Tinggi
3	Saya juga dinilai dari segi sahsiah.	1 (0.6%)	2 (1.3%)	40 (25.3%)	69 (43.7%)	46 (29.1%)	3.99	0.80	Sederhana Tinggi
Purata skor min							3.82		Sederhana Tinggi

Dalam jadual 4.8 menunjukkan semua item berkaitan kandungan kurikulum I berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item satu (min = 3.63; SP = 0.70), item dua (min = 3.86; SP = 0.78) dan item tiga (min = 3.99; SP= 0.80). Dari segi kekerapan dan peratusan pada item satu seramai 75 orang (47.5%) guru pelatih menyatakan setuju, seramai 64 orang (40.5%) guru pelatih menyatakan sederhana setuju dan seramai 3 orang (1.9%) guru pelatih menyatakan tidak setuju. Manakala kekerapan dan peratusan pada item tiga menunjukkan seramai 46 orang (29.1%) guru pelatih sangat setuju, seramai 69 orang (43.7%) guru pelatih setuju dan seramai 40 orang (25.3%) guru pelatih sederhana setuju pada item tersebut.

Jadual 4.9: Kandungan Kurikulum II

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interprestasi
1	Pihak institusi memberi pendedahan yang mencukupi mengenai kandungan FPK dan amalannya dalam pendidikan.		6 (3.8%)	50 (31.6%)	86 (54.4%)	16 (10.1%)	3.70	0.69	Sederhana Tinggi
2	Tugas kursus yang diberikan oleh pensyarah banyak menekankan kerja berkumpulan.	1 (0.6%)	2 (1.3%)	21 (13.3%)	78 (49.4%)	56 (35.4%)	4.17	0.75	Tinggi
3	Kursus pedagogi yang ditawarkan di institusi adalah dalam bentuk teori dan amali.			29 (18.4%)	91 (57.6%)	38 (24.1%)	4.05	0.65	Tinggi
Purata skor min							3.97		Sederhana Tinggi

Jadual 4.9 menunjukkan dua item dalam kandungan kurikulum II berada pada tahap tinggi iaitu item bilangan dua dan tiga yang masing-masing mendapat skor (min = 4.17; SP 0.75) dan (min = 4.05; SP 0.65). Manakala item satu menunjukkan tahap sederhana tinggi (min = 3.70; SP 0.69). Dari segi kekerapan dan peratusan pada item tiga menunjukkan bahawa seramai 38

orang (24.1%) guru pelatih menyatakan sangat setuju, seramai 91 orang (57.6%) guru pelatih menyatakan setuju, seramai 29 orang (18.4%) guru pelatih menyatakan sederhana setuju. Manakala kekerapan dan peratusan pada item dua menunjukkan 78 orang (49.4%) menyatakan setuju, 21 orang (13.3%) menyatakan sederhana setuju dan 2 orang (1.3%) guru pelatih menyatakan tidak setuju.

**Jadual 4.10: Sistem Pelaksanaan Kurikulum**

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interprestasi
1	Pensyarah sentiasa menekankan ketepatan masa bagi kehadiran kuliah dan tutorial.	2 (1.3%)	5 (3.2%)	31 (19.6%)	73 (46.2%)	47 (29.7%)	4.00	0.85	Tinggi
2	Penilaian pengajaran dan pembelajaran pelajar tidak mengambil kira ketepatan waktu menghantar tugas.	21 (13.3%)	40 (25.3%)	40 (25.3%)	41 (25.9%)	16 (10.1%)	2.94	1.20	Sederhana Rendah
3	Tugasan yang diberikan memberikan pelajar peluang berinteraksi dan mencari maklumat dari pelbagai sumber.		4 (2.5%)	22 (13.9%)	70 (44.3%)	62 (39.2%)	4.20	0.77	Tinggi
Purata skor min							3.71		Sederhana Tinggi

Jadual 4.10 menunjukkan dua item dalam sistem pelaksanaan kurikulum berada pada tahap tinggi (min = 4.20; SP = 0.77), (min = 4.00; SP = 0.85) dan satu item berada pada tahap sederhana rendah. (min = 2.94; SP = 1.20). Dari segi kekerapan dan peratusan pada item dua menunjukkan bahawa seramai 41 orang (25.9%) guru pelatih menyatakan setuju, seramai 40 orang (25.3%) guru pelatih menyatakan sederhana setuju, seramai 40 orang (25.3%) guru pelatih menyatakan tidak setuju dan seramai 21 orang (13.3%) menyatakan sangat tidak setuju. Dari segi kekerapan dan peratusan pada item satu dan tiga menunjukkan ramai yang bersetuju dan hanya 2 orang (1.3%) menyatakan sangat tidak setuju.

**Jadual 4.11: Kemahiran Pensyarah**

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interprestasi
1	Para pensyarah sering memberi tugas yang memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu asas pendidikan dan perkaedahan.		1 (0.6%)	29 (18.4%)	85 (53.8%)	43 (27.2%)	4.07	0.69	Tinggi
2	Pensyarah menilai prestasi pelajar secara menyeluruh dan berkesan.		5 (3.2%)	26 (16.5%)	77 (48.7%)	50 (31.6%)	4.08	0.77	Tinggi
3	Pensyarah sentiasa menyampaikan maklumat-maklumat terkini berkaitan bidang pengajaran dan keperluan pendidikan masa kini.		3 (1.9%)	18 (11.4%)	80 (50.6%)	57 (36.1%)	4.20	0.71	Tinggi
Purata skor min							4.11		Tinggi

Dalam jadual 4.11 menunjukkan semua item berkaitan sumber/bahan-bahan kurikulum berada pada tahap tinggi iaitu item satu (min = 4.07; SP = 0.69), item dua (min = 4.08; SP = 0.77) dan item tiga (min = 4.20; SP = 0.71). Dari segi kekerapan dan peratusan pada item satu seramai 85 orang (53.8%) guru pelatih menyatakan setuju, seramai 29 orang (18.4%) guru pelatih menyatakan sederhana setuju dan hanya seorang (0.6%) guru pelatih menyatakan tidak

setuju. Manakala kekerapan dan peratusan pada item dua dan tiga menunjukkan ramai responden yang bersetuju dengan item dan hanya 5 orang (3.2%) pada item dua dan tiga orang (1.9%) pada item tiga menyatakan tidak setuju.

#### 4.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Hasil dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif dapat dirumuskan seperti berikut;

- a. Dapatan kajian berdasarkan penilaian tahap input pengetahuan tentang konsep FPK adalah tinggi. Manakala sumber/bahan-bahan kurikulum yang diadakan berada pada tahap sederhana tinggi.
- b. Dapatan kajian mengenai kandungan kurikulum yang disediakan dan sistem pelaksanaannya oleh pihak UNISEL berada pada tahap sederhana tinggi.
- c. Dapatan kajian berdasarkan tahap input kemahiran pensyarah dalam menyampaikan maklumat pengajaran berada pada tahap yang tinggi.

Analisis deskriptif yang dijalankan bagi keseluruhan 158 orang responden dari UNISEL dari aspek input menunjukkan pencapaian nilai min adalah tinggi dan sederhana tinggi. Data menunjukkan input yang disediakan oleh pihak UNISEL adalah mencukupi dan perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Selain itu, tahap input kemahiran pensyarah adalah tinggi. Hal ini selaras dengan pendapat Ko, Sammons & Bakkum (2013) yang menyatakan bahawa kejayaan pengajaran seseorang guru secara umumnya adalah merujuk dan berfokus kepada *outcome* pelajar, sikap guru dan amalan pengajaran di bilik darjah yang membawa ke arah penghasilan pelajar yang berkualiti. Amalan pengajaran adalah suatu proses secara sistematik mengikut langkah demi langkah yang bermula seawal merancang pengajaran, peringkat permulaan, peringkat perkembangan konsep diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan (Kamarul Azmi & Ab Halim, 2007; Ab Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010; Anuar & Nelson, 2015).

Berdasarkan hasil dapat kajian dari sudut input, beberapa cadangan penambahbaikan boleh dicadangkan. Berikut adalah cadangan seperti berikut;

- a. Sumber atau Bahan-bahan Kurikulum
  - i. Bahan-bahan dan sumber berkaitan FPK di perpustakaan atau atas talian perlu sentiasa dikemaskini dan mudah diakses sebagai bahan rujukan.
  - ii. Bahan-bahan rujukan dalam bidang pendidikan dan silibus pengajian perlu sentiasa dikemaskini dan ditambah.
- b. Kandungan Kurikulum
  - i. Pelaksanaan program pengajian perlu dipelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
  - ii. Penekanan kepada pengintegrasian domain kognitif, psikomotor dan afektif serta kemahiran insaniah perlu dibuat untuk semua kursus dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
  - iii. Penilaian perlu merangkumi aspek kemahiran, kognitif dan afektif pelajar selari dengan keperluan sistem pendidikan masa kini.
  - iv. Semakan program pengajian perlu dibuat bagi memenuhi keperluan Standard Pendidikan Guru serta keperluan kursus Falsafah Pendidikan dijadikan sebagai subjek wajib dalam latihan perguruan.



- c. Sistem Pelaksanaan Kurikulum
  - i. Latihan perguruan perlu dilaksanakan dengan merujuk kepada keperluan SGM, sistem pendidikan dan seiring dengan peranan guru di sekolah.
  - ii. Latihan perguruan perlu memberi ruang kepada guru pelatih mempraktis kemahiran serta ilmu yang merangkumi ilmu bidang, serta kemahiran pedagogi yang dapat menterjemahkan keperluan FPK dan matlamat pendidikan Negara.
- d. Kemahiran Pensyarah
  - i. Pensyarah yang terlibat dalam latihan perguruan perlu menghayati dan mengamalkan nilai dalam FPK bagi penyampaian pengajaran yang lebih berkesan.
  - ii. Institusi perlu memberikan latihan atau kursus kepada tenaga pengajar bagi menambahbaik kemahiran pengajaran dari masa ke semasa dengan berpandukan kepada kerangka latihan guru SGM.

## 1.5 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Nik Rahimi Nik Yusoff (pytn), 2010. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi : Penerbit UKM.
- Ahmad Mohd Salleh 2011. *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam KPLI Pengajian Islam & j-QAF*. Edisi 2. Shah Alam : Oxford Fajar.
- Atan Long (1986). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru. 1986. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi et. al. 2007. *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2010. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. (2012). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Ko, J., Sammons, P. & Bakkum, L. (2013). *Effective Teaching: A Review of Research and Evidence*. England: CfBT Education Trust.
- Ornstein, A. C., Pajak, E. F., & Ornstein, S. B. (2011). *Contemporary Issues in Curriculum* (5th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1975. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Spooner-Lane. R, Curtis. E, and Mergler. A. (2010). *Embracing Philosophy and Raising the Standard of Pre-service Teacher Education Programs*.
- Tajul Ariffin Noordin et.al (2002), *Pendidikan dan Pembangunan Manusia : Pendekatan Bersepadu*, Bangi : As-Syabab Media.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud 2005. *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas : satu huraian konsep asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Roselina, S. (2009). *Soft Skills At Malaysian Institute Of Higher Learning*. *Asis Pacific Education Review*, 309-315. <http://dx.doi.org/10.1007/s12564-009-9038-8>
- Te Wiata, I. (2001). *A Big Ask: To What Extent Can Universities Develop Useful Generic Skills?* In C. K. F. Bevan (Ed.), *Knowledge Demands for the New Economy* (pp. 290-297). Brisbane: Australian Academic Press.
- Francis Wong Hoy Kee & Paul Chang Min Phang (1975). *The Changing Pattern Of Teacher Education In Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia).Ltd.